

Geran permudah pembiayaan pendidikan

Oleh MOHAMAD FAZLI SABRI

PENDIDIKAN memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana ia adalah antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Kepentingannya diterjemah menerusi Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) apabila pendidikan adalah salah satu daripada 11 komponen dalam pengukuran IKHM.

Terdapat tujuh indikator digunakan untuk mengukur pencapaian pendidikan dan salah satunya menerusi kadar penyertaan pendidikan di peringkat tertiar.

Sistem pendidikan negara pada masa ini mewajibkan pendidikan rendah juga menengah dan kerajaan membiayai sepenuhnya kos pendidikan di peringkat tersebut.

Menurut Kementerian Pendidikan Tinggi, pembiayaan kos pengajian tinggi harus dikongsi bersama pembayar cukai dengan individu kerana pengajian tinggi mempunyai ciri *quasi public goods*.

Sehubungan itu, ia memerlukan perancangan awal dan sistematik kerana kos mendapatkan pendidikan tinggi menuntut sejumlah perbelanjaan yang besar. Kos pendidikan dijangka terus meningkat rentetan kenaikan kos sara hidup yang turut dipengaruhi oleh kadar inflasi semasa.

Umumnya, yuran pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sekitar RM4,000 hingga RM5,000 setahun (tidak mengambil kira subsidi kerajaan kepada pelajar) dan jumlah keseluruhan untuk tempoh empat tahun pengajian adalah sebanyak RM16,000 hingga RM20,000 mengikut bidang pengajian yang diambil.

Relatifnya yuran pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) jauh lebih tinggi iaitu sekitar RM12,000 hingga RM18,000 setahun (bergantung bidang pengajian yang diambil). Jumlah keseluruhan yang perlu dibayai untuk tempoh empat tahun pengajian pula adalah sebanyak RM48,000 hingga RM72,000.

Andaikan kadar inflasi yuran pengajian (*college fee inflation rate*) meningkat sebanyak empat



PTPTN telah menyediakan pelbagai bentuk inisiatif untuk membantu ibu bapa dan keluarga membuat perancangan bagi pendidikan anak-anak. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

peratus setahun, berapa kos pengajian tinggi dalam tempoh 10 tahun dari sekarang untuk mendapatkan pendidikan tinggi sama ada di IPTA atau IPTS?

Bagi memudahkan perbincangan, lihat kepada analisis dilakukan. Kos keseluruhan yuran pengajian di IPTA untuk tempoh empat tahun pengajian dalam masa 10 tahun akan datang (2027) dengan kadar inflasi sebanyak empat peratus dengan andaian keluarga akan membiayai sebanyak 10 peratus kos menggunakan simpanan sendiri dijangka meningkat daripada RM16,000 kepada RM25,143.

Kos mendapatkan pendidikan tinggi di IPTS pula dijangka meningkat daripada RM12,000 kepada RM75,430 untuk tempoh empat tahun pengajian dalam masa 10 tahun akan datang dengan andaian yang sama iaitu kadar inflasi sebanyak empat peratus dan keluarga membiayai sebanyak 10 peratus daripada kos pengajian menggunakan simpanan sendiri.

Berdasarkan analisis mudah ini jelas menunjukkan bahawa kos pendidikan tinggi dijangka meningkat dan ini sudah pastinya memberikan bebanan kepada keluarga terutama mereka yang tidak membuat perancangan awal dan sistematik.

Dalam konteks ini, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) selaku pembiaya utama pendidikan tinggi telah menyediakan pelbagai bentuk inisiatif untuk membantu ibu bapa dan keluarga membuat perancangan bagi pendidikan anak-anak.

Pelan simpanan pendidikan telah ditawarkan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i dan SSPN-i Plus). Ibu bapa, penjaga dan keluarga diberikan pilihan menarik di samping pelbagai manfaat yang bakal diterima hasil daripada simpanan mereka. Ini dilihat sebagai salah satu strategi membantu negara melahirkan modal insan berkualiti.

Pembangunan modal insan berkualiti dapat dicapai menerusi

keupayaan untuk mendapatkan pendidikan tinggi yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Menyedari kepentingan melahirkan modal insan yang berkualiti, kerajaan telah mengambil inisiatif menerusi bajet 2017 dengan memperkenalkan pemberian geran sepadan kepada pelajar Tahun Satu di sekolah bantuan penuh kerajaan pada 2017 bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i / SSPN-i Plus.

Secara prinsipnya, 'Dasar Insentif RM50' ini memerlukan ibu bapa atau penjaga untuk mempunyai sama ada akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus dan mereka hanya perlu membuat simpanan minimum RM50 dalam tahun 2017. Simpanan percuma sebanyak RM50 akan dimasukkan secara automatik pada bulan berikutnya. Bagaimanapun, seorang murid layak menerima sekali geran sepadan sahaja.

Insentif ini dilihat sebagai satu bentuk pelaburan yang sangat menguntungkan kerana dengan simpanan minimum sebanyak RM50 seseorang akan memperoleh tambahan modal sebanyak RM50 lagi (kadar pulangan 100 peratus).

Adalah disarankan agar ibu bapa dan penjaga yang layak serta memenuhi syarat untuk mengambil tindakan yang proaktif berkaitan tawaran geran sepadan ini kerana peluang bukan datang selalu, maka rebutlah sebaik mungkin dengan membuat simpanan sekarang sebelum menjelang tarikh tutup pada 31 Disember 2017.

Kesimpulannya, ibu bapa seharusnya mempunyai pelan pendidikan tinggi untuk setiap anak. Menjadi tanggungjawab utama ibu bapa untuk menyediakan kemudahan pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Bak kata pepatah, "bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian."

DR. MOHAMAD FAZLI SABRI ialah Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).